

A Baca dialog di bawah, kemudian jawab soalan-soalan yang berikutnya.

Yee Seng : Apakah aktiviti riadah yang kamu suka lakukan, Siew Hwa?

Siew Hwa : Saya suka berbasikal. Saya berbasikal bersama kakak di taman pada setiap petang. Kamu pula, Yee Seng?

Yee Seng : Saya suka berjoging. Pada pandangan saya, aktiviti ini dapat membakar lemak dalam badan.

Siew Hwa : Betul kata kamu itu, Yee Seng. Kita mestilah menghargai kesihatan dengan bersenam. Selain menjadikan badan cergas, otak kita pun menjadi cerdas apabila bersenam.

1. Apakah aktiviti riadah kegemaran Siew Hwa?

Aktiviti riadah kegemaran Siew Hwa ialah _____.

2. Bilakah Siew Hwa berbasikal?

Siew Hwa berbasikal pada _____.

3. Mengapakah Yee Seng suka berjoging?

Yee Seng suka berjoging kerana dapat _____.

4. Apakah kebaikan jika kita bersenam?

Apabila kita bersenam, badan kita _____.

5. Apakah aktiviti lain yang boleh menyihatkan badan?

Aktiviti lain yang boleh menyihatkan badan ialah _____.